

KAEDAH TERUS MELALUI KAEDAH SALAK DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU TERHADAP PENUTUR ASING.

A.Rahman Haron, Ph.D

manlaoshi@gmail.com

Maisarah Yaacob, Ph.D

maisarahmy@yahoo.com

Mahawa binti Pilus

mahawapilus64@gmail.com

Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

Maharam Mamat, PhD.

Pusat Citra, UKM.

Abstrak

Kaedah Terus merupakan prinsip mengajar berdasarkan psikologi kanak-kanak. Kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dapat diterapkan kepada pelajar secara terus. Kaedah Terus mempunyai persamaan dengan cara pelajar menguasai bahasa ibunda masing-masing tanpa menggunakan terjemahan. Kertas konsep ini memperlihatkan keberkesanan Kaedah SALAK yang merupakan salah satu strategi pengajaran dan pembelajaran daripada Kaedah Terus. Kejayaan Kaedah SALAK memperlihatkan bahawa penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran dengan kaedah ini memberi manfaat kepada penutur asing untuk pengajaran bahasa kedua. Implikasi lain iaitu, Kaedah SALAK boleh dimanfaatkan oleh pihak sekolah, Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

Kata Kunci: Kaedah Terus, Kaedah SALAK, strategi pengajaran dan pembelajaran, penutur asing, pengajaran bahasa kedua.

Abstract

The Direct Method is a teaching principle based on the psychology of children. Listening, speaking, reading and writing skills can be applied directly to students. The Direct Method has similarities in the way students master their native languages and do not need to use translation. This concept paper is to demonstrate the effectiveness of the SALAK Method which is one of the teaching and learning strategies of the Direct Method. Success achieved through SALAK Method shows that the use of teaching and learning strategies in this way benefits non-native speakers for second language teaching. The other implication is, SALAK method can be benefitted by schools, Institutes of Teacher Education (IPG), Institutes of Public Higher Education (IPTA) or Institutes of Private Higher Education (IPTS).

Key Words: Direct Method, SALAK Method, teaching and learning strategies, non native speaker, second language teaching

Pengajaran Bahasa Melayu kepada penutur asing merupakan satu keperluan dalam mewujudkan komunikasi yang harmoni dalam masyarakat. Hal ini sejajar dengan matlamat membangunkan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa. Justeru, pelbagai pihak perlu berusaha menyelaraskan kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai kepada penutur asing. Kaedah ditakrifkan sebagai prosedur pengajaran yang dibentuk berasaskan teori bahasa dan linguistik (Juriah Long, 2010). Umum mengetahui bahawa kaedah merupakan tindakan yang sistematik dan tersusun bagi mencapai sesuatu objektif. Dalam pengurusan bilik darjah, guru berperanan memilih pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran yang

sesuai dengan kebolehan pelajar. Kebolehan dalam merancang langkah pengajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai akan mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran. Benarkah peranan guru atau tenaga pengajar sahaja yang mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran? Bagaimana pula dengan faktor persekitaran dan faktor pelajar? Meskipun semua faktor berkenaan adalah saling berkaitan, namun peranan guru tetap diutamakan.

Kepelbagaian pendekatan, teknik dan kaedah pengajaran akan memberi kesan yang berbeza dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kesenambungan ini lebih realistik apabila digarapkan dengan gaya dan strategi pembelajaran yang bersesuaian. Penyelidikan tentang gaya dan strategi pembelajaran bahasa yang diamalkan oleh murid di Barat sudah lama dijalankan, walaupun kajian ini lebih berfokus kepada pembelajaran bahasa asing (Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi, 2010). Dalam usaha ini, guru-guru boleh menggunakan pelbagai gaya yang bersesuaian seperti gaya kolaboratif, koperatif, visual, auditori dan sebagainya. Seterusnya strategi merujuk kepada perbincangan dalam kumpulan, strategi latihan tubi, strategi mengambil bahagian dalam aktiviti bahasa, strategi mendengar teliti kata guru atau rakan di dalam kelas, strategi memberi tumpuan atau perhatian ketika belajar dan sebagainya (Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi, 2010). Kepelbagaian gaya dan strategi pastinya berbeza-beza mengikut keupayaan pelajar dan suasana pembelajaran. Justeru dalam situasi begini, guru atau tenaga pengajar perlu cekap dan peka kepada keperluan semasa agar proses pembelajaran tidak membosankan dan objektif pengajaran dapat dicapai. Peranan guru telah berubah daripada sumber pengetahuan kepada murid menjadi perancang dan pemudah cara dalam pengajaran dan pembelajaran, agen perubahan, dan sumber inspirasi kepada murid (Juriah Long, 2010).

Penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing merupakan isu semasa yang sering diperkatakan. Penguasaan bahasa kedua atau bahasa asing dalam kalangan penutur sering kali menunjukkan pelajar tidak menguasai atau kurang menguasai sesuatu bahasa mengikut tempoh masa yang ditetapkan (Ab. Razak & Muhammad Saiful Haq, 2011). Dalam hal ini, guru perlu memainkan peranan agar objektif yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan sewajarnya. Sehubungan dengan itu, guru atau tenaga pengajar perlu memilih kaedah dan teknik pengajaran serta membentuk strategi pengajaran dan pembelajaran yang paling sesuai untuk digunakan bagi mengajar bahasa kepada murid (Juriah Long, 2010). Dalam usaha mengatasi kemelut ini, guru atau tenaga pengajar perlu mendalami konsep asas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa yang merangkumi pendekatan, kaedah, teknik, strategi dan aktiviti. Pemilihan kaedah yang sesuai dengan mengenal pasti strategi pembelajaran yang digunakan oleh penutur semasa mempelajari bahasa khususnya Bahasa Melayu adalah satu keperluan. Guru perlu merancang sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik dan efektif (Yong & Vijayaletchumy, 2012). Aktiviti pengajaran dengan langkah-langkah yang dirancang perlu dilaksanakan oleh guru dan penglibatan pelajar dengan sebaiknya agar mencapai objektif yang ditetapkan. Justeru itu, Kaedah SALAK merupakan salah satu Kaedah Terus yang dapat membantu penutur asing dalam pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

PERBINCANGAN

Kaedah Terus dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Kaedah ini telah diperkenalkan oleh Michell West dan Harald Palmer (1920-1935) iaitu prinsip-prinsip mengajar berdasarkan psikologi kanak-kanak. Kaedah ini sesuai digunakan bagi mengajar bahasa kedua dan bahasa asing (Juriah Long, 2010). Dapatan kaedah ini beranggapan pelajar dapat mempelajari bahasa melalui kemahiran mendengar pelbagai perbualan dan kemudian berusaha melibatkan diri dalam perbualan tersebut. Hal ini bermakna pembelajaran melalui bahasa menghubungkan pelajar-pelajar terus dengan bahasa yang hendak dipelajari melalui sistem bunyi bahasa. Sebutan penutur natif dijadikan model dan pertuturan ini ditiru oleh pelajar-pelajar asing. Terjemahan tidak digunakan langsung dalam situasi pembelajaran.

Pembelajaran bahasa kedua adalah selari dengan cara kanak-kanak mempelajari bahasa ibunda (Juriah Long, 2010) iaitu kanak-kanak akan mengulangi proses mendengar, meniru serta mengulangi perlakuan bahasa tersebut. Langkah pertama dimulakan dengan menghubungkan pelajar terus kepada bahasa yang hendak pelajari. Sistem bunyi bahasa diperkenalkan dan sebutan penutur jati dijadikan model dan pertuturannya diikuti dan ditiru. Hal ini bermakna pelajar Melayu akan bertutur dalam Bahasa Melayu kepada pelajar bukan Melayu. Berdasarkan kaedah ini pelajar dapat memahami serta mempelajari istilah dan perbendaharaan kata yang betul. Penggunaan terus bahasa sasaran tanpa terjemahan ke dalam bahasa ibunda. Dalam situasi ini, kemahiran mendengar dan bertutur adalah diutamakan kerana perkataan konkrit, contohnya 'meja' diajarkan dengan menunjukkan terus kepada objek 'meja'. Seterusnya, teknik latih-tubi digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu pelajar akan dilatih berbual dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang sesuai.

Langkah kedua adalah mengaitkan perkataan-perkataan atau ayat-ayat dengan gambar, rajah-rajah, lukisan dan sebagainya. Justeru, pengajaran dikaitkan dengan pengalaman-pengalaman yang telah sedia ada pada pelajar. Langkah ketiga dengan menggunakan perkataan seerti atau berlawanan, dengan menggunakan aksi atau lakonan, memberikan huraian atau bercerita dan menjelaskannya dalam ayat-ayat yang mudah difahami. Sesi soal jawab boleh dilaksanakan dengan memberi peluang pelajar menceritakan pengalaman mereka berada di sesuatu tempat. Pelajar akan didedahkan dengan aktiviti membaca apabila aktiviti lisan dijalankan dengan sempurna. Bahan bacaan yang disediakan adalah berkaitan dengan aktiviti lisan iaitu frasa dan struktur ayat diulang-ulang dalam aktiviti lisan. Guru memulakan bacaan secara kuat dan diikuti pelajar dalam kumpulan dan akhirnya secara individu. Pada tahap ini, pelajar digalakkan mencari makna perkataan yang sukar dalam konteks. Apabila murid tidak berjaya mencari makna, guru boleh meneruskan langkah pengajaran dengan penggunaan Kaedah SALAK yang berkait rapat dengan Kaedah Terus. Ini dapat dilihat melalui aktiviti yang terdapat dalam gambar atau grafik dan menghuraikan makna melalui bahasa sasaran (Juriah Long, 2010). Dalam keadaan ini, apabila makna masih tidak difahami, guru menggunakan lukisan, lakonan, perkataan seerti ataupun perkataan berlawan untuk memahamkan pelajar. Kebiasaannya, pola-pola ayat yang hendak diajar dilatih-tubi terlebih dahulu sehingga pelajar-pelajar dapat menguasainya dan undang-undang tatabahasa hanya diajar selepas pelajar dapat menguasai struktur ayat. Setelah selesai aktiviti ini, pelajar akan memulakan aktiviti menulis, membuat ringkasan dan akhirnya menjawab soalan kefahaman.

Strategi pengajaran menggunakan Kaedah Terus, antaranya pelajar boleh melakukan aktiviti membaca teks tentang suasana hari jadi. Setelah selesai membaca, pelajar memegang gambar tentang majlis berkenaan. Pelajar disaran membina ayat yang berkaitan atau tampil ke hadapan dan menampal gambar pada ruangan yang berkaitan. Situasi pembelajaran ini memerlukan pelajar menyesuaikan atau memadankan gambar dengan ayat yang dibina. Berlakulah perhubungan secara langsung antara perkataan dengan benda atau ayat dengan fikiran dan sebaliknya. Oleh itu, sebutan yang betul memerlukan ilmu fonetik. Jadi, Kaedah Terus ini melalui penggunaan Kaedah SALAK merupakan gabungan linguistik dengan pengajaran bahasa.

Kaedah ini mempunyai kebaikan dan kelemahannya sendiri. Antara kelebihan Kaedah Terus iaitu sesuai untuk mempelajari bahasa kerana mempunyai persamaan dengan cara pelajar menguasai bahasa ibunda masing-masing dan tidak perlu menggunakan terjemahan. Selain itu, pengajaran secara terus dapat membantu memudahkan pencapaian pelajar dan pelajar dapat mengaplikasikan bahasa secara aktif. Seterusnya membolehkan pelajar bertutur dengan cepat, lancar dan fasih. Walaubagaimanapun kelemahan yang dikenal pasti, iaitu Kaedah Terus adalah lebih kompleks berbanding kaedah lain kerana makna perkataan yang abstrak adalah sukar untuk diberi penerangan. Oleh yang demikian, kaedah ini memerlukan guru terlatih dan mempunyai kreativiti untuk menyampaikannya kepada pelajar. Selain itu, berkemungkinan berlakunya penerimaan mesej yang kurang tepat dan ini menimbulkan kekeliruan sepanjang

sesi pembelajaran. Dalam usaha mengatasi masalah ini, bahan bantu mengajar yang digunakan mestilah praktikal agar dapat memberi manfaat kepada pelajar.


Secara ringkasnya, Kaedah Terus merangkumi langkah-langkah sebagaimana berikut. Pertama, perhubungan secara langsung perkataan dengan benda atau ayat dengan fikiran. Kedua, pengajaran harus dikaitkan dengan pengalaman-pengalaman sedia ada. Langkah ketiga, iaitu merangsang perasaan ingin mengetahui dengan lebih lanjut melalui soalan-soalan yang dirancang. Langkah keempat berfokus kepada bahasa lisan, penekanan kepada sebutan yang betul, latih-tubi dan pengukuhan, bermula daripada yang mudah kepada yang lebih kompleks dan kaedah ini tidak merujuk undang-undang bahasa tersebut. Pada dasarnya kaedah ini pernah digunakan oleh tentera pada zaman perang kerana kaedah ini mula digunakan untuk melatih pegawai tentera dan diplomat dalam perang Dunia Kedua dahulu.

Kertas konsep ini memperincikan pengajaran dan pembelajaran Kaedah SALAK dan merupakan salah satu Kaedah Terus yang dapat membantu penutur asing membina ayat dengan cara yang mudah, cepat dan efektif (A.Rahman et. al. 2013b). Apakah itu SALAK? SALAK adalah merujuk kepada akronim:

- S: Siapa
- A: Aktiviti
- L: Lokasi
- A: Alatan
- K: Keterangan

Kaedah SALAK dapat membentuk proses pembinaan ayat mudah kepada ayat yang lebih kompleks. Kepelbagaian variasi ayat dapat dihasilkan dengan mudah, cepat dan menjimatkan masa oleh pelajar sama ada secara lisan mahupun secara bertulis. Penutur asing boleh menjana idea untuk membina ayat dalam Bahasa Melayu dengan merujuk kepada 11 akronim lain yang bertunjangkan kepada akronim SALAK.

Rajah 1 memperincikan rajah pohon 11 akronim yang boleh dijelmakan daripada Kaedah SALAK untuk variasi pembinaan ayat. Ini bermakna pelajar mempunyai banyak pilihan untuk membina ayat yang boleh disesuaikan dengan gambar atau grafik mahupun situasi agar ayat yang dibina supaya gramatis dengan mengikut rumus tatabahasa yang betul.



Rajah 1 Kepelbagaian Variasi Ayat Dari Akronim SALAK

Jadual 1 pula menunjukkan pembinaan ayat dengan Kaedah SALAK yang memperlihatkan kepelbagaian variasi ayat yang boleh dibina oleh penutur asing dengan kaedah ini. Kaedah SALAK mampu merangsang minda penutur asing untuk membina ayat tanpa perlu memakan masa yang begitu lama. Ruangan dalam Jadual SALAK boleh dipilih mengikut kesesuaian ayat yang dibina.

Jadual 1

Pembinaan Ayat dengan Kaedah SALAK

S	A	L	A	K	Variasi Ayat
Kamal dan kawan-kawan	menuju	ke sebatang sungai	dengan menunggang basikal.		S A L A
Mereka	menunggang basikal			dengan berhati-hati.	S A K
Kamal	terlihat seekor anak kucing	di atas jalan raya		cuba menyeberang jalan ke seberang sana.	S A L K
Kamal	segera memberi isyarat kepada kawan-kawannya untuk menyelamatkan anak kucing tersebut		daripada dilanggar oleh sebuah kereta	yang datang dari arah hadapan.	S A A K
Kawan-kawan Kamal	menahan kenderaan	yang datang dari dua arah		sementara Kamal mengalihkan anak kucing tersebut ke seberang jalan raya.	S A L K

Kelebihan lain yang dapat dilihat melalui Kaedah SALAK ialah penutur asing boleh membina ayat secara beransur maju iaitu daripada ayat mudah kepada pembinaan ayat yang lebih kompleks (A.Rahman 2012b). Ayat yang dibina adalah mengikut struktur dengan penggunaan rumus tatabahasa. Penggunaan kata hubung, kata sendi, penjodoh bilangan, imbuhan, kata

adjektif dan ganti nama diri menjadikan ayat yang dibina adalah gramatis. Jadual 2 menunjukkan proses pembinaan ayat mudah kepada ayat yang lebih kompleks yang dapat dihasilkan oleh pelajar asing.

Jadual 2:

Proses Membina Ayat daripada Ayat Mudah kepada Ayat Kompleks

	S	A	L	A	K
1	Jamil	pancing ikan	sungai.		
2	Jamil	pancing ikan	di sungai.		
3	Jamil	pancing ikan	di sungai	joran.	
4	Jamil	pancing ikan	di sungai	dengan joran	baharu dibeli.
5	Jamil	memancing ikan	di sungai	dengan menggunakan sebatang joran	yang baharu dibeli olehnya semalam.

Keistimewaan Kaedah SALAK ini dapat membantu penjana kos kata atau rangkai kata yang sesuai berdasarkan objek yang ditunjukkan kepada penutur asing. Begitu juga dengan grafik atau gambar yang dilihat, boleh dimuatkan kos katanya ke dalam ruangan yang disediakan dalam Jadual SALAK. Perkataan atau rangkai kata yang telah disenaraikan dalam Jadual SALAK ini boleh dimurnikan supaya menjadi ayat yang gramatis sebagaimana proses pembinaan ayat ke-5 dalam Jadual 2. Melalui Kaedah SALAK ini, dapat dilihat penggunaan imbuhan, kata sendi, kata hubung, penjodoh bilangan, kata adjektif dan ganti nama diri dalam ayat tersebut.

Kelebihan Kaedah SALAK

Kaedah SALAK ini telah dijalankan ujian pra dan ujian pos kepada pelajar SJK (C) (A.Rahman et. al. 2012). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah ini adalah relevan dan boleh diguna pakai untuk murid sekolah rendah tahap satu dan tahap dua serta penutur asing yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kaedah ini telah dapat membantu mereka menjana idea membina ayat secara berpandu. Ayat yang dibina dapat dipelbagaikan variasi dan gramatis.

Kelebihan Kaedah SALAK ini dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat dilihat menerusi kejayaan yang diraih dalam pertandingan inovasi dan mendapat pengiktirafan, iaitu:

- i) Johan Guru Inovatif, PPD Hulu Langat (2009).
- ii) Johan Guru Inovatif, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (2010).
- iii) Pingat Perak dalam Pertandingan K-Inovasi, UKM (2015).
- iv) Pingat Emas dalam Pertandingan Inovasi, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi (2015).
- v) Pingat Emas dalam Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan, Institut Pendidikan Guru Malaysia (2015).
- vi) Diamond dan Pingat Emas dalam International, Invention, Innovation & Technology Design Competition 2018 (ITeC), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau.
(Hasil gabungan inovasi Curah dan Cambah serta penyongsangan dari Kaedah SALAK (Kaedah TAS).

Berdasarkan kejayaan yang diraih melalui inovasi Kaedah SALAK, kertas konsep ini menjadi panduan kaedah pengajaran dan pembelajaran kepada penutur asing dengan kepelbagaian akronim SALAK yang membantu mereka membina ayat dengan mudah dan efektif.

KESIMPULAN

Konsep mempelajari bahasa kedua dalam kalangan penutur asing adalah suatu keperluan masa kini. Hal ini lebih terdesak dalam kalangan penutur yang belajar di luar negara. Sejarar dengan keperluan tersebut, penutur asing perlu didedahkan dengan kaedah yang bersesuaian seperti yang dibincangkan. Kesenambungan kedua-dua kaedah mendorong kepada penguasaan Bahasa Melayu secara formal dan efektif. Kesukaran mendapatkan persekitaran penguasaan Bahasa Melayu yang standard memaksa sebahagian besar penutur asing berusaha mempelajari Bahasa Melayu secara formal. Kaedah SALAK merupakan salah satu daripada strategi pengajaran dan pembelajaran yang dapat memberi manfaat kepada penutur asing. Kepelbagaian variasi ayat, penjanaaan idea yang mudah dan cepat menjadi kontradik dengan pandangan yang menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran Kaedah Terus membawa kepada pelbagai ragam dan membosankan. Justeru, pengajaran dan pembelajaran Kaedah SALAK memberi impak yang positif dengan memberi nilai tambah kepada penutur asing untuk menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Rujukan

- Ab. Razak & Muhammad Saiful Haq. (2011). Tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar Islamic Santitham Foundation School (ISFS). *Jurnal Pengajian Melayu*, 22. 18-44.
- A.Rahman Haron, Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Sharifah Nor Puteh & Jamaludin Badusah. (2012a). Teknik SALAK dalam menjana idea membina ayat dengan cepat dan efektif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2): 83-92.
- A.Rahman Haron, Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Sharifah Nor Puteh & Jamaludin Badusah. (2012b). Membina ayat berdasarkan grafik dengan Teknik 'SALAK'. *Seminar Antarabangsa Pedagogy of Malay, Indonesian and Other Language (PMIOL) 2012*. Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu Malaysia dan Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), Bandung, 14-15 Jun.
- A.Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod. (2013a). Pengaplikasian pendekatan didik hibur dan Teknik SALAK dalam penulisan karangan. *Prosiding Seminar pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Pertama*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (281- 292).
- A.Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod. (2013b). Teknik SALAK: Bagaimana Variasi Ayatnya? *Prosiding Seminar Serantau Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Kedua*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (269-283).
- Juriah Long. (2010). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dlm *Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- (2010). Senario dan Cabaran Pengajaran, pembelajaran Bahasa Melayu Masa Kini dlm *Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yong Chyn Chye & Vijayaletchumy Subramaniam. (2012). Strategi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan mahasiswa antarabangsa di IPTS Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 26, 120-133.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2010). Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa di dalam Kelas Kepelbagaian Pelajar dlm *Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, Sharifah Nor Puteh & A.Rahman Haron (2012). Membina Ayat Berdasarkan Grafik Dengan Teknik

'SALAK'. Pembangunan Modul Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) *Bahasa Melayu.UKM-GUP* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Seindah Bahasa Koleksi Minda. (2012). Kaedah Pengajaran. Dimuat turun <https://bkree66.blogspot.com/2012/01/kaedah-pengajaran.html> [20 Januari 2020].